

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI
MERANGKAP WAKIL PENDERMA
DI MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA IDIL FITRI
TAHUN 1420HIJRAH/ 2000 MASEHI
DI AUDITORIUM KEMTAH, KEMENTERIAN PERTAHANAN
PADA HARI KHAMIS, 30 DISEMBER 1999
JAM 10.00 PAGI**

Sekali lagi kita dapat berkumpul di Auditorium ini untuk menyampaikan hasrat kita demi memperingati dan menghargai Angkatan Tentera Malaysia. Oleh itu, bersama-samalah kita mengucapkan "Alhamdulillah" dan bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala atas limpah perkenanNya membuka hati kita untuk hadir di sini dengan aman dan selesa. Syukur Alhamdulillah!

2. Mewakili Perderma-penderma yang hadir, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Penganjur kerana dijemput hadir dan untuk saya memberi sedikit ucapan. Ini adalah kali ketiga saya berbuat demikian. Saya harap pada alafbaru tahun 2000, akan ada wakil yang bam pula untuk berucap.

3. Setiap Perayaan Hari Merdeka, Hari Kebangsaan kita, kita telah menyaksikan sebahagian besar peserta perbarisan pagi itu terdiri dari anggota Pasukan Keselamatan Negara, iaitu anggota Polis Diraja dan Angkatan Tentera Malaysia yang bersenjata. Mereka berjalan dengan teratur, menunjukkan keberanian dan kegagahan mereka, disiplin dan kecekapan, sambil berjalan, sambil menyanyi lagu-lagu yang sentiasa mencuit hati yang menonton. Pahlawan-pahlawan kita mohon doa semoga Malaysia berjaya, tidak mereka mohon doa untuk diri mereka sendiri, kerana mereka ikhlas berjuang, siap sedia berkorban untuk ibu pertiwi. Tetapi kita tahu bagaimana mereka terpaksa melalui risiko dan bahaya sebelum mereka dilepaskan ke medan bakti.

4. Kalau kita lihat wajah sesuatu yang berbaris, tiada satu yang cerah kulit. Mereka masing-masing birat (rust, bronze) bukan kerana sudah berkarat tetapi kerana dah dimakan oleh matahari, hujan, ribut, angin kencang dan lain-lain elements ketika berlatih. Tiada siapa yang berwajah lembut, senyum. Sebaliknya kita lihat wajah yang keras, tegas, serius dan gagah berani. Tiada yang kita lihat "heavy weight" semacam kita yang berada di Auditorium mi! Mungkin dahulu ketika muda ada yang birat, serius dan featherweight tetapi setelah berjaya dan berpangkat, masing-masing kurang terdedah kepada matahari, sekarang dilihat lebih serius dan profesional, tetapi cerah wajah dan kacak. Ini risiko dan bahaya yang lain, bukan di hutan belantara, lautan atau udara, tetapi di bandar-bandar pula. Inilah pahlawan-pahlawan, wira-wira kita, perjuangan bangsa dan negara yang tercinta ini.

5. Kita penderma-penderma, kenapa berada di sini? Kenapa kita berusaha mengumpulkan barangan makanan, juadah, keperluan harian ke majlis ini setiap tahun. Bukan ada jamuan ringan, bukan ada persembahan untuk menghibur hati kita, tetapi kita tetap datang. Kenapa?

6. Malaysia adalah satu-satunya, tidak, Malaysia adalah negara yang ulung, yang unik, yang tidak boleh ditandingi oleh negara-negara yang lain dari segi kebajikan.

7. Kita penderma-penderma, hadir di Dewan ini kerana kita datang dari masyarakat yang tahu berinsaf, tahu bersyukur, tahu mengenang jasa dan budi pahlawan-pahlawan, wira-wira, bunga-bunga bangsa kita Malaysia. Kita berada di sini kerana mereka ikhlas berjuang di medan bakti untuk kita berada di Dewan ini. Mereka tahu kemungkinan mereka akan gugur. Kitalah diharapkan menabur bunga di atas pusara mereka. Kita rela berada di sini kerana perjuangan mereka menentukan kita dalam keadaan aman damai dan sejahtera. Kita adalah masyarakat yang tahu menghargai jasa-jasa pejuang-pejuang negara. Tidak terkata penghargaan dan terima kasih masyarakat kepada mereka melainkan mendoakan barisan pejuang kita akan selamat pergi dan selamat kembali kepada anak isteri. Insya-Allah.

8. Kami penderma-penderma juga berdoa agar isteri dan anak-anak Angkatan Tentera yang terasing dari suami dan bapa pada Hari Raya ini, akan bersabar dan teguhkan iman kerana suami masing-masing diperingati dan ditentukan bahawa mereka akan juga meraikan Hari Raya ini

dengan suasana yang ceria dan selesa. Kita tahu betapa rindunya kedua-dua pihak ketika perayaan ini, khasnya kanak-kanak kecil, tetapi tukarkanlah rinduan itu kepada doa yang lebih membina supaya orang yang jauh tetap selamat dalam ingatan dan kasih sayang keluarga.

9. Saya percaya pada tahun ini sambutan dari penderma adalah lebih banyak dari tahun-tahun yang lepas. Syukur Alhamdulillah! Inilah masyarakat Malaysia yang penyayang, satu lagi keunikan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bersatu hati, sejiwa, seharmonis. Di dalam negara Malaysia ini sahajaterdapat rakyat berbilang kaum membeli-belah setiap Perayaan tidak kira Hari Raya Idil Fitri, Hari Raya Tahun Baru Cina, Deepavali atau Christmas. Kaum Islam berbuka puasa di hotel-hotel, orang-orang bukan Islam sama berbaris berbuka puasa juga. Apatah lagi pada Rumah-rumah Terbuka!

10. Pilihanraya telah sempurna dan berjaya. Alhamdulillah! Oleh itu, renongkanlah KENAPA pahlawan-pahlawan kita berjaung, kenapa kita berada di sini pagi ini. Barulah hati kecil kita berdenyut dengan tenang dan berkata "Ya, aku rela menderma kepadamu, Pahlawan Bangsa, kerana engkau rela berkorban untuk aku dan anak-anakku".

11. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha kita semua dalam bulan Ramadan Mubarak ini. Selamat Menyambut Alaf Baru, Selamat Hari Raya Idil Fitri maaf zahir dan batin.
